



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)**

www.ijepec.com



**RELEVANSI AKTA PENDIDIKAN 1996 MEMACU VISIBILITI
DAN MEMARTABAT BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA
ILMU DALAM SEKTOR PENDIDIKAN NEGARA**

*VISIBILITY AND DIGNITY OF MALAY LANGUAGE AS THE LANGUAGE OF
KNOWLEDGE IN THE NATIONAL EDUCATION SECTOR WITH RELEVANCE
TO THE EDUCATION ACT 1996*

Irma Wani Othman^{1*}, Mohd Sohaimi Esa², Romzi Ationg³, Nurulsyikin Muda⁴

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: irma@ums.edu.my

² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: msohaimi@ums.edu.my

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: mratiiong@ums.edu.my

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan
Email: syikin@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.05.2021

Revised date: 24.06.2021

Accepted date: 20.07.2021

Published date: 31.07.2021

To cite this document:

Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., & Muda, N. (2021). Relevansi Akta Pendidikan 1996 Memacu Visibiliti Dan Memartabat Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu Dalam Sektor Pendidikan Negara. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (41),

Abstrak:

Relevansi Akta Pendidikan 1996 seiring usaha menggerak dan memartabat Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dibahaskan sebagai kewajaran pihak pemerintah yang cuba meletakkan kedudukan bahasa kebangsaan untuk diangkat menjadi bahasa pengantar dalam sektor pendidikan negara. Selaras dengan objektif memperkasakan bahasa kebangsaan demi membina negara bangsa, penggubalan undang-undang berkaitan hal ehwal pendidikan telah diperkenalkan bagi memantapkan pengajaran dan pembelajaran dalam sistem persekolahan, lantas melahirkan keikhlasan diri serta kesungguhan generasi muda membudayakan bahasa ibunda. Pendekatan kualitatif ini bertumpu kepada kaedah analisis kandungan di mana data sekunder digarap dari hasil penelitian himpunan akta-akta, buku ilmiah terpilih, seleksi jurnal, bahan-bahan bercetak berkaitan dan informasi digital yang signifikan dengan intipati perbahasan dalam penulisan ini. Bersandarkan kajian bersifat inaugurasi, pemilihan isu-isu diketengahkan melingkari pokok utama perbahasan yang

137-159.

DOI: 10.35631/IJEPC.641011

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)

mengaitkan penerapan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama melalui sistem persekolahan dan pengajian tinggi negara dalam sektor pendidikan negara. Dalam konteks ini, kesalinghubungan Akta Pendidikan 1996 dilihat sebagai satu pelaksanaan dan pematuhan undang-undang yang saling melengkapi, justeru memperakui kesahan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Hala tuju yang mendepani kajian setara seumpama ini wajar bersifat eksplorasi bagi merungkai pentafsiran masyarakat pascamodenisme berhubung iltizam warga negara mendukung bahasa ibunda. Bukan sahaja bersandarkan kemampuan diri untuk menguasai pertuturan dalam kehidupan seharian, bahkan berusaha gigih ke arah memacu visibiliti dan memartabat keunggulan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu pada peringkat profesional di persada dunia.

Kata Kunci:

Akta Pendidikan 1996, Bahasa Melayu, Bahasa Ilmu, Sektor Pendidikan

Abstract:

The relevance of the Education Act 1996 as it moves parallel with the effort in upholding the Malay language as a language of knowledge was debated the propriety of the government's attempt to put the position of the national language to be appointed as the language of instruction in the education sector. In line with the objective of empowering the national language in order to build a nation-state, the enactment of laws related to education affairs has been introduced to strengthen teaching and learning in the school system, thus producing self-sincerity and determination of the younger generation to cultivate their mother tongue. This qualitative approach focuses on content analysis methods in which secondary data were worked from the research results of a collection of deeds, selected scientific books, selection of journals, relevant printed materials, and digital information that were significant to the essence of the debate in this paper. Based on an inaugural study, the selection of issues highlighted the debate surrounding the main points that were related to the implementation of the Malay language as the main medium through the school system and higher education institutions in the country's education sector. In this context, the connectivity of the Education Act 1996 is seen as implementation and compliance with the law, thus certifying the legality of the Malay language as the language of science. The direction of this study should be exploratory in nature to unravel the interpretation of postmodern society in relation to the commitment of citizens to support the mother tongue. It is not only based on mastering speech skills in everyday life, but also striving towards driving visibility and excellence to uphold the Malay language as a language of science at the professional level in the world.

Keywords:

Education Act 1996, Malay Language, Language of Knowledge, Education Sector

Latar Belakang

Sejarah ketamadunan Nusantara semenjak zaman kerajaan Sri wijaya telah menyaksikan usaha jerih pemerintah mengangkat ulung martabat negara bangsa dengan memperkasa

bahasa Melayu seiring dengan penyebaran daulah islamiyah Melayuwiayah (Esa, Ationg, Othman, Mohd Shah, Yusoff, Ramlie & Abang Muis, 2021). Kegemilangan zaman kesultanan Melayu Melaka sepanjang zaman pertengahan abad ke-7 Masihi sehingga abad ke-19 Masihi berjaya menyumbang kepada keunggulan Bahasa Melayu sebagai bahasa perantara ekonomi dalam urusan perdagangan dan maritim di Tanah Melayu. Dalam konteks sejarah ketamadunan rantau Asia Tenggara, lingkungan pengaruh kebudayaan dan linguistik yang mendukung bahasa Melayu sebagai *lingua franca* menjadikan Bahasa Melayu tersohor pemakaiannya sehingga menandingi 84 bahasa yang dituturkan oleh para pedagang dari santerio dunia pada ketika itu (Hassan, Angterian & Yusop, 2017).

Ikrar setia dan ikhtiar berterusan dari pihak pemerintah untuk mempelopori bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu justeru dibuktikan melalui peninggalan karya seni dan sastera negara yang penuh dengan ketinggian bahasa serta menjadi warisan khazanah bangsa tidak ternilai harganya. Pengembangan bahasa Melayu bukan hanya berhenti setakat bidang kesusasteraan sahaja, malahan menjangkau penyebaran ilmu dalam bidang ilmu teologi serta falsafah ketamadunan dunia sehingga ilmu metafizik dan tasawuf. Pasca modenisasi menyaksikan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu menerokai ilmu pengetahuan seperti perubatan, kejuruteraan, kimia, ekonomi, hubungan antarabangsa, perakaunan dan dunia perniagaan saham sehingga mencapai kedudukan setaraf dengan bahasa dunia yang lain.

Rentetan dari meneladani sejarah tanah air, pembentukan Persekutuan Tanah Melayu terpaksa mendepani pelbagai halangan dan rintangan untuk mencapai wadah sistem pendidikan kebangsaan di mana bahasa Melayu diperjuangkan menjadi bahasa pengantar sekolah jenis kebangsaan di seluruh negara. Dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 152 termaktub bahawa bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di Malaysia adalah bahasa Melayu. Dari perspektif perundangan Perlembagaan Persekutuan telah pun mengistiharkan dan menetapkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi persekutuan. Ini dibuktikan apabila himpunan 17 cadangan yang dicadangkan oleh Tuan Abdul Razak selaku Menteri Pelajaran pada ketika itu akhirnya menghasilkan intipati Penyata Razak yang dimeterai pada tahun 1956 (Lukmanulhakim, 2020). Antara ketetapan yang disyaratkan dalam dasar pendidikan kebangsaan ialah mengklasifikasikan sekolah rendah kepada penjenamaan sekolah kebangsaan, di mana Bahasa Melayu diangkat status sebagai bahasa pengantar utama sekolah kebangsaan (Ramlah Adam, 2014). Natijah di sebalik tindakan tersebut merupakan strategi bijak pihak pemerintah dalam menerap awal amalan pembudayaan bahasa ibunda sebagai bahasa kebangsaan yang boleh diterima pakai oleh setiap lapisan masyarakat Tanah Melayu yang berlatar belakang berbilang bangsa, kaum dan agama.

Ukwah permuafakatan pihak pemerintah dalam mengerak usaha memperkasa Bahasa Melayu, justeru disusuli dengan pembentukan Laporan Rahman Talib (Ramlah Adam, 2014). Bertitik tolak daripada hal ini, saranan untuk mengembangkan dan pemakaian bahasa pengantar utama dalam sistem persekolahan negara tidak menjadi suatu tanggungjawab yang begitu sukar. Memandangkan sifat istimewa Bahasa Melayu yang mudah dipelajari, senang difahami dan ternyata berperanan sebagai alat komunikasi masyarakat tempatan berinteraksi sejak beratus tahun lamanya. Setelah sekian tahun negara menikmati arus kemerdekaan apatah lagi acap kali rakyat diuar-uarkan dengan kemashalatan membina identiti masyarakat Tanah Melayu, maka lanjutan kandungan daripada Penyata Razak 1956 dimaktubkan melalui

Akta Pendidikan 1961 (Kamil & Mohamad, 2020). Memegang perjawatan Menteri Pendidikan waktu itu, Dato' Seri Najib bin Abdul Razak menegaskan relevansi akta pendidikan berkenaan atau lebih dikenali sebagai Akta 550 digubal khas bertujuan bagi meletakkan unsur kepatuhan setiap warga negara Malaysia dalam memberi komitmen tegar ke arah memastikan pengekalan identiti kebangsaan. Usaha membudayakan bahasa rasmi persekutuan sinonim dengan visi dan misi Falsafah Pendidikan Kebangsaan di mana Akta 550 merangkumi 16 elemen vital yang memperincikan pelaksanaan sistem pendidikan negara secara komprehensif. Manakala Seksyen 17 Akta Pendidikan 1966 pula digubal khusus untuk memberi penekanan terhadap penggunaan bahasa kebangsaan sebagai medium bahasa pengantar utama bagi setiap sekolah, dengan pengecualian diberikan kepada sekolah jenis kebangsaan (Rozita & Hashim, 2014).

Penghujahan dalam makalah ini diketengahkan bagi meneliti pelbagai inisiatif efektif dilaksanakan oleh pihak pemerintah untuk menangani punca-punca yang menunjangi pentafsiran masyarakat pascamodenisme berhubung iltizam diri untuk mendukung bahasa ibunda. Langkah-langkah yang konkrit, sistematik dan pragmatik dijalankan secara berterusan bagi memperkukuhkan lagi usaha menggerak dan memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu (Othman, Mohd Shah, Yusoff, Esa, Ationg, Ramlie & Abdul Rahman, 2021a). Sebagaimana yang kita tahu, pengenalan terhadap undang-undang dalam sektor pendidikan menggariskan kepentingan bahasa kebangsaan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan (2006-2010) yang mewajibkan mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat pendidikan tadika dan rendah (Sharifah Darmia, 2019). Kita dapat menyaksikan juga Bahasa Melayu diangkat menjadi medium bahasa pengantar rasmi di institusi pengajian tinggi negara. Namun demikian, suatu hakikat yang tidak boleh dikesampingkan ialah melahirkan keikhlasan dalam diri masyarakat untuk membudayakan bahasa kebangsaan melalui undang-undang yang menggariskan kepentingan bahasa kebangsaan dalam sektor pendidikan. Era pascaglobalisasi yang serba mencabar akal dan minda kita telah menyaksikan masih terdapat isu-isu yang memperlekehkan pembudayaan bahasa lantas menodai imej bahasa kebangsaan. Dalam konteks penghujahan makalah ini, kesalinghubungan Akta Bahasa Kebangsaan 1967 dan Akta Pendidikan 1996 dilihat sebagai satu pelaksanaan dan pematuhan undang-undang yang saling melengkapi, justeru memperakui kesahan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Akta Pendidikan 1996

Ijtihad berhubung memartabatkan sektor pendidikan formal dengan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu ternyata melibatkan komitmen semua pihak sama ada kerajaan, pendidik, institusi kekeluargaan dan masyarakat umum (Othman, Yusoff, Mohd Shah, Mokhtar, Abang Muis, Marinsah & Marzuki, 2021b). Senario ini persis kata peribahasa 'melentur buluh biarlah dari rebungnya', yakni generasi muda merupakan aset negara dan menjadi barisan masa hadapan negara yang harus dibimbing seawal usia. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh pakar linguistik, Noam Chomsky mendapati golongan kanak-kanak yang berusia dalam lingkungan satu hingga tujuh tahun memperoleh capaian perkataan, frasa, ayat serta pengetahuan dalam bahasa melalui *subconscious mind* iaitu melalui proses separa sedar (Mohd Nazri & Wan Nurul Baizura, 2018). Ini menggambarkan secara tidak langsung setiap perbuatan yang melibatkan aktiviti bermain, menonton televisyen, bermain dan bersosial dengan rakan-rakan berupaya membuahkan hasil pencerapan ilmu ke dalam minda kanak-kanak, yang akhirnya diluahkan melalui pertuturan. Disebabkan keistimewaan inilah

proses pembudayaan bahasa bermula dari rumah dipercayai meninggalkan kesan mendalam terhadap penguasaan bahasa sekiranya keberadaan kanak-kanak berkenaan ternyata dalam persekitaran yang betul (Othman, Ationg, Esa, Hajimin & Abang Muis, 2021c). Manakala proses kemahiran bahasa di peringkat sekolah lebih cenderung terbentuk dengan kaedah secara sedar melalui pendekatan pembelajaran buku ilmiah.

Daripada realiti ini dapat kita katakan bahawa asas pengembangan penguasaan bahasa individu datangnya dari persekitaran didikan keluarga, namun ianya masih bersangkut-paut dengan pendedahan secara rasmi di alam persekolahan. Sementelahan medium terbaik dari pendidikan formal di sekolah menjadi acuan pemikiran dan memupuk rasa kecintaan pada bahasa ibunda (Yong Hie & Ku Hasnita, 2019). Anjakan paradigma generasi muda ke atas kredibiliti Bahasa Melayu diperkemas dengan menanamkan kefahaman bahawa mata pelajaran Bahasa Melayu tidak dibatasi dengan ilmu tatabahasa, sintaksis dan sebutan semata-mata. Ideologi para pendidik harus menebal untuk menggerak dan memperkasa estetika Bahasa Melayu dengan ketinggian nilai linguistik sebagai bahasa ilmu setaraf dengan bahasa-bahasa lain di dunia (Md Idris, 2013). Hipotesisnya bila mana generasi muda merasa selesa dengan tahap kesantunan Bahasa Melayu yang tinggi dan bangga menuturkan bahasa ibunda dalam segala aspek kehidupan maka terbit rasa keikhlasan membudayakan budaya di atas nama kesepaduan nasional berbanding dari keterpaksaan belajar hanya untuk tujuan lulus peperiksaan (Othman, Yusoff, Mohd Shah, Ationg, Esa & Mohd Yakin, 2021g).

Lanjutan daripada huraian yang telah dinyatakan di atas menyebabkan isu masalah penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda masih menjadi kerisauan ramai. Pada zaman pasca kemerdekaan ini, antara persoalan yang menjadi tanda tanya berkisar berapa lama masa yang diperlukan untuk rakyat fasih berbahasa Melayu dan faktor yang menyumbang kepada kesukaran untuk menguasai bahasa yang dianggap mudah berbanding dengan bahasa yang lebih kompleks seperti bahasa Mandarin, Jepun mahupun Korea (Chow & Zahari, 2008). Sebagaimana yang umum sedia maklum, karakteristik masyarakat multietnik negara ini bukanlah menjadi penghalang untuk rakyat Malaysia bersatu hati demi mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Jika dilihat dari sudut lain, Perlembagaan 152 dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 mengiktiraf bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan (Ahmad Kamal Arifin & Sharifah Darmia, 2008). Ini membawa maksud dengan jelas sejak seawal usia kemerdekaan negara ini lagi bahawa bahasa Melayu bukan sahaja untuk bangsa Melayu, malahan untuk semua warganegara Malaysia. Dengan ini diharapkan seleksi isu yang dibincangkan dalam makalah ini dapat merungkai kewajaran yang cuba meletakkan kedudukan bahasa kebangsaan untuk diangkat menjadi bahasa pengantar dalam sektor pendidikan negara.

Isu kesahan sekolah vernakular dalam sistem persekolahan di Malaysia merujuk Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan

Lantangnyanya suara seorang peguam memfailkan notis usul mencabar kewujudan sekolah vernakular yang didakwa bertentangan Perlembagaan Persekutuan menarik perhatian umum. Plaintiff Mohd Khairul Azam Abdul Aziz memfailkan permohonan berkenaan melalui firma guaman Tetuan Azam Shahrudin & Co berlokalisasi di Pejabat Pendaftar Mahkamah Persekutuan pada tahun 2019, dengan menamakan Menteri Pendidikan Malaysia selaku defendan pertama, seterusnya menamakan kerajaan Malaysia sebagai defendan kedua

(Othman, 2020). Dalam konteks ini, plaintif mendakwa Parlimen berada di luar bidang kuasa untuk mewartakan Seksyen 17 dan Seksyen 28 Akta Pendidikan 1996 yang melibatkan kedudukan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) (Othman, 2020). Dengan mengait dan mengguna pakai keputusan *presedent* yang dikeluarkan oleh mahkamah yang memerihalkan hal-hal bersangkutan dengan pelajaran dan pendidikan bagi maksud rasmi haruslah merujuk pemakaian Perkara 152 (Othman, 2021). Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan pula berkenaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan diperuntukkan melalui undang-undang dalam Parlimen. Seterusnya, Perkara 152(1)(a) menerangkan tiada siapa yang boleh dilarang menggunakan (selain dari maksud rasmi) atau daripada mengajar atau belajar bahasa lain (Othman, 2021). Perkara 152(1)(b) pula berkata kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri boleh meneruskan penggunaan dan pengajian bahasa mana-mana kaum lain dalam persekutuan (Othman, 2020).

Justeru itu persoalan undang-undang yang diketengahkan oleh plantif mempertikaikan sekiranya sekolah jenis Melayu tidak wujud di negara ini, secara logiknya atas justifikasi apakah Sekolah Rendah Jenis Cina (SKJC) dan Sekolah Rendah Jenis Tamil (SKJT) pula berjaya diimplementasikan dalam sistem persekolahan di Malaysia. Dari perspektif tersebut juga plaintif turut menangkis pandangan umum berhubung tindakannya memfailkan notis usul itu sebagai berbaur dasar perkauman. Kenyataan tegas dikeluarkan yang mengatakan plaintif isu undang-undang dan kedaulatan perlembagaan yang menjadi fokus beliau memfailkan tuntutan notis tersebut di Mahkamah Persekutuan dengan merujuk Perkara 4(4) Perlembagaan Persekutuan sebagai asas tuntutan (Othman, 2020). Tambahan lagi rentetan dari pengumuman Belanjawan 2020 memberikan peruntukan RM127 juta kepada sekolah vernakular menyebabkan plaintif merasakan kedudukan dirinya sebagai rakyat Malaysia yang membayar cukai berhak memastikan kerajaan menyalurkan duit rakyat ke institusi yang mempunyai kesahan dari segi perlembagaan dan undang-undang (My Metro, 2020).

Dengan mengambil contoh tahun 1981 yang melibatkan kes Universiti Merdeka apabila Mahkamah Persekutuan memutuskan pemakaian bahasa Cina sebagai medium pembelajaran dan pengajaran melanggar Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan (Othman, 2020). Dakwaan dikemukakan di atas kontradiksi yang dikatakan berlaku apabila Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menunjukkan Menteri Pendidikan tiada kuasa untuk berbuat demikian. Seksyen 17(1) menggariskan bahasa kebangsaan diiktiraf sebagai bahasa pengantar utama semua institusi pendidikan dalam sistem pendidikan kebangsaan kecuali jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri daripada subseksyen ini (Ibrahim, Mahamod & Mohammad, 2017). Seksyen 17(2)-pula menghuraikan sekiranya bahasa pengantar utama di sesuatu institusi merupakan bahasa selain dari bahasa kebangsaan, maka bahasa kebangsaan harus diajar sebagai mata pelajaran wajib di institusi pendidikan berkenaan. Seksyen 28 pula termaktub perihal penubuhan dan penyenggaraan sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan di mana “tertakluk kepada peruntukan akta ini, menteri boleh menubuhkan sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan dan hendaklah menyenggara sekolah-sekolah itu” (Othman, 2021). Namun permohonan untuk mencabar kewujudan sekolah vernakular ditolak oleh Mahkamah Persekutuan pada 11 November 2020 (Sinar Harian, 2019). Hakim Besar Malaya iaitu Tan Sri Azahar Mohamed dalam penghakiman beliau memutuskan Parlimen mempunyai bidang kuasa dalam menggubal undang-undang berhubung pendidikan negara. Ekoran daripada itu,

pihak kehakiman menegaskan Mahkamah Persekutuan tidak boleh dijadikan pentas untuk mencabar kewujudan sekolah vernakular.

Isu Keterpinggiran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pengantar Utama Sekolah Vernakular

Isu kelonggaran Akta Pendidikan 1996 yang merujuk Seksyen 17 turut dikaitkan dengan prestasi pencapaian keputusan peperiksaan dalam kalangan pelajar di sekolah vernakular merudum akibat kepincangan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Keterpinggiran bahasa kebangsaan dalam konteks pembelajaran dan pengajaran di sekolah vernakular mendapat perhatian apabila hasil dari kajian ahli akademik Universiti Putra Malaysia mendapati 55.7 peratus iaitu 230 dari 414 pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan (SRK) di Kuantan gagal bertutur dengan baik dalam Bahasa Melayu (Berita Harian, 2020). Gelisah sektor pendidikan bertambah berat apabila keputusan peperiksaan SPM memperlihatkan pencapaian gred baik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu semakin tidak memberangsangkan. Gejala ini ada kaitan dengan kebolehan pelajar dari sekolah vernakular yang tidak mendapat cukup pendedahan menguasai Bahasa Melayu disebabkan sistem persekolahan berkenaan menggunakan bahasa ibunda masing-masing dalam semua mata pelajaran kecuali Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (Donnie, Ravadhi, Edward & Satinah, 2018). Andaikan perkara ini berlanjutan, iklim membudayakan bahasa ibunda dalam sistem persekolahan vernakular sewajarnya mendapat perhatian pihak berwajib bagi mendapatkan penyelesaian berhubung permasalahan ini. Lebih-lebih lagi adicita meneruskan pemakaian bahasa ibunda mengikut kaum masing-masing bercanggah dengan hasrat pihak pemerintah untuk mendukung bahasa kebangsaan menjadi mengikat keharmonisasian rakyat melalui sistem pendidikan negara.

Tamsilnya, Akta Pendidikan 1996, seksyen 17 memperuntukkan bahasa pengantar di semua institusi pengajian tinggi merupakan Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun kelonggaran syarat berkenaan diberikan kepada sekolah vernakular. Ini tentu sekali meletakkan tanggungjawab yang lebih besar kepada pihak yang berkepentingan yang mahukan pengekalan perlaksanaan sistem sekolah jenis kebangsaan atau lebih dikenali sebagai SJK untuk memenuhi mandat yang diberikan oleh kerajaan dalam memastikan pelajar dari pelbagai kaum menguasai bahasa kebangsaan secepat mungkin. Keadaan ini seharusnya boleh bersangkut paut secara perbandingan negara-negara kejiranan Malaysia seperti Indonesia, China, Jepun dan Korea yang tidak sama sekali membenarkan sekolah berbentuk vernakular diamalkan di negara masing-masing (Donnie *et al.*, 2018). Contoh negara-negara yang paling dekat dengan kita telah terbukti berjaya melaksanakan satu jenis sistem persekolahan sahaja. Lantas fenomena ini menimbulkan kemusykilan di minda semua di atas kemampuan Malaysia merealisasikan pendekatan yang serupa demi mendukung keunggulan Bahasa Melayu dan memartabatkan bahasa kebangsaan.

Kesalinghubungan permasalahan penguasaan Bahasa Melayu dilihat berlarutan apabila golongan pelajar berkenaan memasuki fasa pengajian tinggi di mana kekurangan kemahiran bahasa menjadi penghalang kelancaran pembelajaran dan pengajaran di peringkat universiti (Muhammad Fawiz, Zulkifli, Anida & Husna Faredza, 2020). Bahang masalah ini semakin terasa kerana sikap acuh tidak acuh golongan tersebut untuk belajar menguasai Bahasa Melayu apabila melepasi sistem persekolahan menengah. Situasi dirumitkan lagi dengan

kecenderungan kelompok pelajar tersebut mempamerkan usaha untuk menguasai Bahasa Inggeris dengan lebih tegar berbanding Bahasa Melayu dengan alasan dunia kini memperakui Bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa (Othman, Yusoff, Lukin, Ationg, Abang Muis, Mohd Shah, 2020). Pemahaman mentaliti cetek mereka justeru meletakkan pemberat kepada penguasaan Bahasa Inggeris berbanding Bahasa Melayu dengan beranggapan kepentingan kemahiran bahasa asing dalam dunia kerjaya mendatang. Secara analoginya, kunci kepada kemelut yang tidak berkesudahan ini persis dengan semangat kata hikmat, *Kekitaan yang Erat, Tiada yang Berat*. Tanpa menunding jari kepada mana-mana pihak, kita harus mengambil langkah bijak bagi menjalinkan hubungan kerjasama pelbagai pihak dalam sektor pendidikan dalam menangani isu ini. Remaja merupakan aset negara yang bernilai dan kealpaan kita membiarkan aset ini bakal menyebabkan kerugian di masa mendatang. Situasi ini memberi pengajaran sekiranya kita mahu mengekalkan peranan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu maka bersikap profesional dan tidak menggunakan emosi dalam melakukan tindakan bakal membuahkan hasil yang menguntungkan semua pihak (Othman, Yusoff, Mohd Shah, Esa, Ationg, Ibrahim & Raymond Majumah, 2021d).

Cadangan Penstrukturan Semula Sekolah Vernakular dengan Penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pengantar Utama

Arbitrasi yang dilakukan mendapati jalan terbijak dalam menggerak dan memartabat Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu ialah menerusi pengimplementasian secara penstrukturan semula sekolah vernakular yang menerapkan bahasa pengantar dengan penggunaan bahasa kebangsaan. Sebagaimana yang kita sedia maklum, sekolah vernakular diklasifikasikan sebagai sebuah sistem persekolahan yang mengoperasikan bahasa ibunda dalam kaedah pembelajaran dan pengajaran (PdP) (Hashim & Rozita, 2014). Penguatkuasaan perundangan tersebut merujuk kepada kelonggaran pengecualian yang termaktub dalam Seksyen 17(1) Akta Pendidikan 1996. Hala tuju kerajaan pemerintah pada ketika itu mengotakan janji kemerdekaan masyarakat majumk negara ini lantasi, tidak mewujudkan perbezaan tuntutan ilmu menggunakan wadah bahasa ibunda masing-masing sebagaimana antara masyarakat Melayu dengan kaum-kaum utama yang lain. Inisiatif dari idea ini melahirkan sekolah vernakular yang dikenali sebagai Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

Impak daripada kebenaran atas kelonggaran ini telah mengakibatkan pertambahan bilangan sekolah vernakular di Malaysia. Kaliber generasi kaum bukan Melayu yang mengikuti sistem persekolahan vernakular untuk benar-benar menguasai bahasa kebangsaan semakin dipertikaikan. Malahan terbukti semakin merudumnya penguasaan pemahaman, pertuturan dan penulisan jika dilihat dari keputusan peperiksaan utama bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia dalam kalangan pelajar yang datangnya dari sekolah vernakular. Kombinasi ini menyumbang kepada jurang pemisah dan keterpinggiran Bahasa Melayu semakin ketara, di mana kayu pengukur solidariti pembudayaan bahasa kebangsaan semakin terjejas. Lanjutan dari itu, usaha pemupukan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi persekutuan berada di ambang yang membimbangkan (Mahamod, 2021). Lumrahnya pendedahan bahasa ibunda dalam sistem kekeluargaan bagi kanak-kanak disemai semenjak lahir, kemudiannya diperkasakan dalam sistem pendidikan formal di sekolah vernakular.

Tempiasnya melihat kejorihan generasi muda kita untuk keluar dari kepompong yang semakin menebal dalam diri hasil dari sistem persekolahan yang tidak menitikberatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam pembelajaran dan pengajaran di peringkat persekolahan rendah dan menengah. Natiyah dari cadangan bagi perombakan dan penstrukturan sekolah vernakular boleh dijadikan serampang dua mata apabila keharmonisan kaum dicapai dengan melahirkan generasi muda yang fasih bertutur dalam bahasa kebangsaan serta melestarikan kegemilangan bahasa negara di persada dunia. Pemupukan rasa kecintaan yang mendalam lahir dari keikhlasan kita sebagai warga negara yang bangga dengan warisan bahasa sebagai khazanah ketamadunan bangsa yang tidak ternilai harganya.

Intervensi Dasar 2002 Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengajaran Matematik dan Sains

Dalam dunia yang dilingkari kemajuan sains dan teknologi, Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang meniti arus kemodenan membuat perancangan strategik untuk mendepani persaingan dan cabaran globalisasi. Pada 20 Julai 2002 Menteri Pendidikan menguar-uarkan hasrat kerajaan memperkenalkan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) atau lebih dikenali sebagai Dasar 2002 bermatlamat mengesahkan penggunaan bahasa Inggeris mengambalalih bahasa kebangsaan (iaitu bahasa Melayu) sebagai medium bahasa pengantar mata pelajaran Sains dan Matematik di setiap peringkat pendidikan di Malaysia (Ishak & Mohamed, 2010). Menurut Tun Dr Mahathir Mohammad, Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, rasional di sebalik Dasar 2002 ialah melengkapkan diri pelajar dengan penguasaan bahasa Inggeris berkualiti tinggi agar pendedahan yang diterima seawal persekolahan rendah berupaya mengatasi kelemahan pelajar semasa berada di peringkat pengajian tinggi kelak (Chow & Zahari, 2008). Dengan berbuat demikian, pembangunan modal insan dapat dipandu secara berterusan di mana pemupukan dan pembudayaan bahasa ke dua melahirkan pelajar yang cakna dengan bahasa antarabangsa, lantas akhirnya memberikan kelebihan bagi bersaing di gelanggang dunia yang lebih mencabar.

Demi merealisasikan visi kudi Wawasan 2020, rakyat diseru untuk mengambil pendekatan bersangka baik terhadap niat murni kerajaan mengesyorkan langkah-langkah drastik dan efektif untuk membimbing generasi muda menyumbang ke arah pembentukan negara yang berprestij. Kendatipun demikian, bahang ketidakpuasan hati dilihat terbit dari rakyat apabila bantahan dianjurkan ke atas tindakan kerajaan yang dipercayai ramai bakal mengundang percaturan keutuhan dan kedaulatan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Kebimbangan disuarakan atas justifikasi pelaksanaan PPSMI akan bersarang kerumitan dan bertambah kecelaruan dari aspek penguasaan bahasa yang melibatkan pemahaman ke atas mata pelajaran yang diajar. Ketidaksediaan juga bukan sahaja dalam kalangan pelajar, malahan golongan pendidik juga dilihat akan terbeban dengan pelbagai pilihan bahasa pengantar yang perlu mereka mahiri. Walaubagaimanapun, jika dilihat dari sudut perundangan maka Seksyen 4 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 menyatakan pemakaian Bahasa Inggeris dibenarkan sebagaimana yang difikirkan patut sekiranya memberikan kemashalatan kepada rakyat Malaysia (Chow & Zahari, 2008). Oleh hal yang demikian, Dasar 2002 dilaksanakan atas ashabab pembentukan yang tidak melanggar mana-mana undang-undang negara. Dari perspektif itu, pihak pemerintah percaya berdasarkan

peruntukan undang-undang yang termaktub dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tidak tergugat, malahan dilindungi secara nyata oleh Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Bertitik tolak daripada itu apabila sistem pendidikan beralih arah kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi mata pelajaran Sains dan Matematik menggunakan Bahasa Inggeris, ianya memberikan impak yang pelbagai ke atas penerimaan dan pemahaman para pelajar. Kita mengakui hakikat apabila sesebuah mata pelajaran diajar menggunakan bahasa ke dua maka pelajar berusaha ke arah untuk menguasai bahasa berkenaan terlebih dahulu sebelum berupaya untuk memahami kandungan maksud yang disampaikan oleh pendidik. Tidak dapat dinafikan timbul minat dalam kalangan pelajar untuk berusaha meningkatkan kemahiran pertuturan dan penulisan dalam Bahasa Inggeris. Disamping itu sektor pendidikan memberi kelonggaran dengan kebenaran bagi pihak sekolah menyediakan bantuan kepada pelajar untuk menjawab soalan peperiksaan dalam dwibahasa (Chow & Zahari, 2008). Keadaan ini tentunya menjadi amalan dan membawa kesinambungan ke atas pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di peringkat universiti. Kesemua ini menyumbang kepada wujudnya generasi muda yang tidak dapat membudayakan bahasa kebangsaan akibat terleka dengan komitmen menguasai bahasa ke-dua yang dianggap lebih vital dalam menjamin masa depan kerjaya.

Pemansuhan Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) dengan Dasar Memperkasa Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI)

Sudah terang lagi bersuluh, semakin hari kita berhadapan dengan gred keputusan peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) yang kurang baik bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Dalam masa sama, statistik yang sahih lagi jelas memperlihatkan bukti prestasi peperiksaan dalam kalangan pelajar yang tidak membanggakan seperti yang diharapkan bagi mata pelajaran Sains dan Matematik melalui PdP dalam Bahasa Inggeris. Senario ini menandakan titik permulaan pelbagai rintangan dan cabaran yang menghambat penyelesaian bijak dari pihak pemerintah. Justeru itu sebagai memperkukuhkan lagi solusi kepada kemelut yang tidak berkesudahan, punca-punca yang menunjangi masalah tersebut diperincikan demi kebaikan bersama. Setelah meneliti dan mengkaji impak Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) gagal memenuhi matlamat awal, maka pada 8 Julai 2009 pengumuman pemansuhan berlaku dan diganti dengan dasar mutakhir yang dinamakan Memperkasa Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) (Junaidi & Mohd Fuad, 2010). Natiujahnya, lanjutan dari desakan pelbagai pihak yang menyaksikan pencapaian prestasi pelajar yang tidak memenuhi matlamat penguasaan Bahasa Inggeris, malahan menjadi faktor penyumbang kepada kemeruduban penguasaan Bahasa Melayu maka dasar MBMMBI dijadikan resolusi sandaran.

Dangkal sekali apabila kita beranggapan sejarah tidak memberi teladan yang baik apabila dunia sendiri menyaksikan kemampuan sesebuah negara melahirkan komuniti profesional tempatan dengan memperkasa sepenuhnya bahasa ibunda, lantas berjaya memberikan sumbangan besar kepada pembangunan negara. Hal ini tidak menghairankan apabila pada tahun 1958 sebuah kajian UNESCO mengeluarkan dapatan membuktikan bahawa pendidikan yang mengutilasikan pemakaian bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dalam sistem

pengajian negara adalah jauh lebih efektif untuk menguasai bahasa asing sebagai bahasa kedua (MOHE, 2014). Kekecamukan untuk mempelajari bahasa asing yang tidak sehati dalam jiwa lantas dipaksa meminggirkan bahasa ibunda telah terbukti menjadi elemen kontradiksi dalam menyuburkan keupayaan pemikiran pelajar. Kekhilafan tersebut menyedarkan ramai pihak bahawa bahasa ibunda merupakan bahasa yang vital dan efektif dalam konteks penyebaran ilmu terutamanya dalam bidang pendidikan. Hari ini objektif serampang dua mata MBMMBI ialah melahirkan rakyat Malaysia yang mempunyai kefasihan tinggi dalam Bahasa Melayu, sementelahan berupaya menguasai Bahasa Inggeris sebagai bahasa ke-dua (MOHE, 2014). Secara tuntas, keunggulan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan berada pada kedudukan yang betul, sejajar dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang mengiktirafnya sebagai bahasa rasmi persekutuan. Jentera pelaksanaan dasar MBMMBI mengasaskan Bahasa Melayu di gerak dan dimartabatkan sebagai bahasa ilmu dengan memperkasa Bahasa Melayu dan memperkukuh Bahasa Inggeris.

Bahagian VI, Seksyen 75(1) Akta Pendidikan 1996: Cara Penilaian dan Pemarkahan Kertas Peperiksaan

Dasawarsa ini, sama ada kita sedar atau tidak lantaran terlalu teruja dengan arus pembangunan negara yang semakin gah di persada dunia. Namun di sebalik itu, kita seringkali tersentak oleh pelbagai permasalahan yang berakar umbi dari generasi muda yang diharapkan menjadi barisan hadapan negara suatu hari nanti. Berdasarkan konsistensi perangkaan yang diperolehi sejak sedekad dua memperlihatkan para pelajar sekolah rendah dan menengah mendepani cabaran untuk mencapai tahap yang baik dalam gred sistem peperiksaan utama bagi mata pelajaran Bahasa Melayu (Nazri & Abdul Latif, 2012). Pada realitinya, memang tidak dinafikan bahawa Bahasa Melayu bukanlah merupakan bahasa yang sukar untuk difahami, malahan ianya merupakan sebuah bahasa mudah yang berupaya dipertuturkan secara harian oleh sebilangan besar dari masyarakat majmuk di negara ini. Namun demikian dari perpektif yang berbeza bahasa ibunda ini mengandungi elemen ketinggian bahasa iaitu sastera mendalam yang memerlukan minat dan ketelitian untuk berjaya menguasainya. Yang perlu kita pastikan ialah penerapan pembudayaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) bersifat efektif dan berfokus diberikan kepada para pelajar seawal usia persekolahan. Jika ditinjau dari segi proses pemupukan penguasaan bahasa, pendedahan awal secara berterusan mampu memberikan impak yang sehati dalam diri. Aforisme yang selalu kita dengar ialah jika mahu melentur buluh biarlah dari rebungunya bertepatan dengan fenomena yang melanda penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda hari ini.

Rentetan dari itu langkah yang rasional sewajarnya diambil oleh pihak kerajaan ialah meneliti dan mengkaji semula pendekatan sistem penaksiran dan penilaian mata pelajaran Bahasa Melayu selari dengan usaha mencapai tahap standard yang ditetapkan. Kekhilafan dari dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) membuka mata pelbagai pihak terhadap keutamaan memperkasa bahasa ibunda agar pemahaman asas sesuatu ilmu dapat digerakkan sebelum menongkah arus mencuba menguasai bahasa asing yang memerlukan penekanan dari kaedah pembelajaran yang berbeza. Adaptasi keadaan ini menyebabkan penguatkuasaan Bahagian V, Seksyen 67(1), Akta Pendidikan 1996 di mana Menteri Pendidikan mempunyai bidang kuasa untuk

mengusulkan metod mampu capai taraf yang digariskan oleh sektor pendidikan (Manisah, Ramlee & Zalizan, 2006).

Solusi yang ditetapkan ialah dengan memberikan lebih fokus kepada elemen sastera Melayu. Pelbagai komponen penilaian bukan peperiksaan diimplementasikan di mana pemarkahan yang diperuntukkan dinilai melalui tugas individu dan secara berkumpulan secara prasyarat ianya harus mengikuti silibus yang disarankan oleh kementerian pendidikan. Amalan pentaksiran ini jelas menunjukkan bahawa penilaian sastera melalui mata pelajaran Bahasa Melayu dilakukan secara berperingkat bermula dari persekolahan rendah dan diteruskan sehingga ke persekolahan menengah. Hipotesisnya merujuk objektif penilaian sastera melalui mata pelajaran Bahasa Melayu wajib diambil dalam peperiksaan Malaysia bagi setiap aliran sastera mahupun sains semasa fasa persekolahan di peringkat rendah mahupun menengah. Justifikasinya, apabila usaha diselaraskan secara sistematik, konkrit dan pragmatik maka masalah keciciran menguasai bahasa kebangsaan dapat dibasmi hingga ke akar umbi.

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam KOMSAS Teks Komponen Sastera Bahasa Melayu: Improvasi Struktur Soalan Peperiksaan

Umum mengetahui bahawa ilmu kesusteraan kurang diminati dalam kalangan generasi muda yang lebih cenderung untuk menerokai bidang sains dan teknologi seiring dengan pendedahan era pasca perindustrian. Dalam konteks ini modus operandi sistem pendidikan sekolah menengah di Malaysia mengagihkan para pelajar dalam aliran sains atau sastera berdasarkan keputusan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang diperoleh oleh pelajar pada tahun terdahulu (Yusfarina & Abdul Rasid, 2011). Daripada realiti ini dapat kita katakan pemecahan aliran kelas tidak memberi pilihan kepada pelajar yang meminati aliran yang tidak diperuntukkan kepada mereka. Lazimnya pelajar yang memasuki Tingkatan 4 diserapkan ke dalam aliran sastera ataupun sains di sekolah menengah dan boleh memohon untuk menyertai kolej vokasional yang memfokuskan kepada pendidikan berbentuk latihan industri. Segregasi aliran sains dan sastera secara tidak kita disedari meletakkan jurang pemisah antara pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan PMR dan sebahagian pelajar yang tidak mendapat keputusan yang membanggakan. Pada hakikatnya senario tersebut membangkitkan stigma yang memberikan indikasi negatif bagi pelajar dalam aliran sastera (Berita Harian, 2017). Ini semua meninggalkan kesan apabila umum memandang enteng mata pelajaran sastera dengan omokan mudah untuk lulus mata pelajaran Bahasa Melayu jika dibandingkan dengan mata pelajaran Sains dan Matematik.

Lantaran itu pendekatan berwawasan yang diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan adalah memberikan improvasi terhadap sistem pentaksiran dan kaedah pemarkahan bagi komponen mata pelajaran Bahasa Melayu. Peperiksaan utama sistem persekolahan menengah terutamanya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diberi penekanan baru yang memfokuskan kepada elemen ketinggian bahasa dan keindahan sastera Bahasa Melayu. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Teks Komponen Sastera dalam Bahasa Melayu (KOMSAS) diajar berdasarkan silibus mata pelajaran Bahasa Melayu (Hasrina & Nordiana, 2017). Walaupun begitu, berdasarkan dari penelitian unjuran sastera struktural mendapati pelajar disogokkan dengan formula yang boleh dihafal secara tubi untuk memperoleh skor tinggi dalam peperiksaan. Secara kontradiksinya penggunaan formula bagi menjadi pemudah cara bagi pelajar menjawab soalan peperiksaan memberi spekulasi ke atas nilai ketinggian bahasa dan

keindahan kesusasteraan dalam erti kata yang sebenar. Matlamat negara untuk melahirkan barisan pelapis tokoh sasterawan dicurahkan kepada golongan pelajar dari aliran sastera. Secara perbandingan negara barat yang mempunyai sejarah ketamadunan sastera dan seni yang tinggi telah beradab lamanya menjulang hasil seni warisan tanah air sebagai khazanah tidak ternilai sesuatu negara bangsa.

Signifikansi ke atas improvisasi struktur soalan peperiksaan utama seperti Sijil Pendidikan Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) tidak akan membuahkan hasil yang jitu sekiranya soalan peperiksaan dapat diramal dengan mudah saban tahun. Dakwaan mengatakan pelajar hanya perlu memahami teks KOMSAS dan melakukan latihan tubi contoh-contoh soalan peperiksaan Bahasa Melayu untuk mendapatkan gred yang baik iaitu tanpa perlu mendalami kekayaan nilai kesusasteraan itu sendiri (Sulaiman, Abdullah & Mohd Ra'in, 2006). Lanjutan daripada huraian berhubung elemen ketinggian bahasa dan keindahan sastera Bahasa Melayu yang menjadi penekanan pihak Kementerian Pendidikan, justeru soalan peperiksaan yang mengandungi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) wajar ditingkatkan. Antara pendekatan yang dilakukan ialah dengan mempelbagaikan penstrukturan seleksi soalan-soalan KBAT dalam segmen KOMSAS. Ini diharapkan dapat mengubah persepsi umum terhadap isu ramalan soalan peperiksaan yang mudah untuk dijangka. Apabila keadaan ini berlaku, maka persediaan pelajar untuk menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu menjadi lebih komprehensif. Secara rasionalnya pelajar tidak mahu meletakkan sebarang risiko yang boleh memberi implikasi ke atas kemampuan mereka untuk lulus apabila mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan syarat wajib bagi kemasukan ke universiti. Ini lantas memberi cabaran baru kepada pelajar untuk menjadi lebih peka dan tentu sekali akhirnya dapat mengasah bakat generasi muda untuk berminat dan mendalami ilmu kesusasteraan Melayu.

Visibiliti Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pengantar di Institusi Pendidikan

Visibiliti bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar menjadi lebih nyata apabila Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Institut Pengajian Tinggi (IPT) diperkenalkan oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Mohamed Khaled Nordin, pada 27 Oktober 2011 (Othman, 2021). Objektif utama pelan pendidikan berkenaan adalah untuk memperkasa kedudukan Bahasa Melayu menjadi bahasa ilmu yang bukan sahaja dinilai berdasarkan kualiti bahasa itu sendiri malahan menjadi kebanggaan dalam diri rakyat Malaysia untuk dibawa ke persada antarabangsa (Salleh & Shuhairimi, 2015). Mengambil iktibar pengiktirafan Bahasa Inggeris sebagai lingua franca sekian berabad lamanya, nilai bahasa berkenaan diangkat tinggi sehingga menjadi bahasa rasmi hampir di seluruh pelusuk dunia. Penggunaan Bahasa Inggeris secara rasmi dalam aktiviti formal membawa indikasi ianya diterima sebagai bahasa standard profesionalisme. Manakala pemakaian bahasa itu dalam pertuturan harian menjadikannya sebagai medium interaksi yang mencakupi keselesaan komunikasi masyarakat umum. Sementelahan apabila Bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar di menara gading secara tepat menggambarkan bahasa tersebut mempunyai elemen intelektual lantas diangkat sebagai bahasa ilmu dalam dunia akademik (Othman *et al.*, 2021a).

Namun demikian, suatu hakikat yang tidak diketepikan apabila penyuburan Bahasa Melayu dalam konteks Malaysia hari ini dikaburi dengan trend semasa di mana bahasa asing mendominasi kan pemilihan bahasa pengantar dalam kalangan masyarakat. Pada zaman pasca kemerdekaan ini semangat patriotisme untuk menjunjung tinggi bahasa rasmi persekutuan dipandang enteng terutama bagi mereka yang kurang menghayati peradaban serta etika masyarakat majmuk. Alpa dengan sejarah tanah air serta tidak memahami Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menambah lagi kekecewaan apabila Bahasa Melayu yang mempunyai nilai ketinggian bahasa seperti Bahasa Inggeris tidak dibanggakan oleh anak watan. Bagi membuktikan perkara ini, contoh yang boleh diketengahkan ialah apabila beberapa universiti di dunia yang menawarkan program Bahasa Melayu di peringkat pra siswazah bagi ditawarkan sebagai pengajian di fakulti bahasa dan kesusasteraan. Antara universiti terkenal dunia yang memperkasa Bahasa Melayu sebagai cabang ilmu adalah Universiti Oxford dari Britain, Universiti Ohio dari Amerika Syarikat, *Hankuk University of Foreign Studies* dari Korea Selatan dan Universiti Pengajian Asing Beijing dari negara China (Salleh & Shuhairimi, 2015). Malahan sejak dua dan tiga abad kebelakangan ini kita menyaksikan tokoh sasterawan dari negara luar menyanjung seni dan sastera negara dan mengiktiraf kegemilangan Bahasa Melayu sebagai khazanah dari timur yang berharga untuk dilepaskan tanpa apresiasi dunia luar. Keindahan kesusasteraan yang menjadi arkib negara seperti tulisan Jawi turut mendapat tempat istimewa apabila disimpan rapi oleh Muzium Belanda sebagai tanda kegemilangan Bahasa Melayu semasa zaman penjajahan Belanda di Malaysia (Dagang News, 2020).

Kegiatan ko-kurikulum yang melibatkan penyertaan mahasiswa di luar dari masa belajar boleh dimanfaatkan ke arah memperhebatkan visibiliti bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar universiti dunia. Pelbagai pertandingan antarabangsa yang dianjurkan pada tahun 2019 meraih perhatian rakyat Asia Tenggara apabila Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri (PABM) telah dimenangi oleh peserta dari luar negara. Pelajar antarabangsa dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) iaitu Moustapha Koutoub Sano berasal dari Guinea berjaya mendahului kecemerlangan berpantun yang mengalahkan barisan pelajar anak watan Malaysia (Harian Metro, 2019). Minat yang besar dari kalangan pelajar antarabangsa yang bukan bergelar mahasiswa dari institusi pengajian tinggi negara ini juga menambat hati ramai apabila minat dan kesungguhan yang dipersembahkan memberi indikasi kepada kita nilai ketinggian dan keindahan Bahasa Melayu (Othman *et al.*, 2021b). Bagi kategori antarabangsa peserta bukan mahasiswa pula dimenangi oleh Qurbanov Ozad Nurmuhhammad Ugli dari *Uzbekistan State University of World Languages* (Harian Metro, 2019). Kita dapat menyaksikan betapa rakyat dari luar negara yang mempunyai bahasa ibunda sendiri malahan berusaha untuk mengasah bakat dalam diri untuk menguasai Bahasa Melayu, di manakah kredibiliti dan semangat patriotisme kita sebagai anak watan yang dilahirkan dan dibesarkan dengan persekitaran bahasa ibunda.

Natijahnya, sebagai rakyat jati Malaysia kita tidak seharusnya mempersoalkan kredibiliti Bahasa Melayu untuk gah berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bahasa lain di dunia. Menerapkan nilai kesusasteraan agar menjadi sehati dengan keperibadian diri memudahkan kita untuk merasa bangga akan kesepunyaan bahasa ibunda serta menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang memberi kemaslahatan kepada semua. Namun persoalannya adakah kita bertepuk sebelah tangan apabila usaha untuk menjadikan Bahasa

Melayu sebagai bahasa rasmi dalam bidang pendidikan tidak mendapat komitmen penuh dari pelbagai pihak. Justifikasi berikut dikaitkan dengan Akta Pendidikan 1996 Bahagian VI, Seksyen 75(1) yang memerihalkan bahawa kerajaan memegang kuasa mutlak mengarahkan institusi pengajian tinggi swasta menggunakan selain dari bahasa kebangsaan dengan bersyarat Bahasa Melayu ditawarkan dan diajar (Kamil & Mohamad, 2020).

75. *Mata pelajaran yang dikehendaki diajarkan di institusi pendidikan swasta yang menyediakan pendidikan lepas menengah.*

(1) *Menteri boleh menghendaki institusi pendidikan swasta yang menyediakan pendidikan lepas menengah supaya mengajar mata pelajaran yang berikut:*

- a. *bahasa kebangsaan, jika bahasa pengantarnya ialah suatu bahasa selain daripada bahasa kebangsaan;*
- b. *pengajian Malaysia;*
- c. *bahasa Inggeris, jika bahasa pengantarnya ialah suatu bahasa selain daripada bahasa Inggeris;*
- d. *pengajian yang berhubungan dengan pendidikan Islam bagi murid yang menganut agama Islam; dan*
- e. *pendidikan moral bagi murid yang tidak menganut agama Islam, berdasarkan kurikulum yang ditetapkan.*

Lantaran itu sehingga kini masih lagi menjadi amalan sebahagian besar dari institusi pengajian swasta meminggirkan Bahasa Melayu dan menggunakan sepenuhnya Bahasa Inggeris dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP). Ini tentu sekali membuatkan kita terfikir tindakan mereka umpama ingkar dan memanipulasikan peruntukan akta yang telah memberi kelonggaran pemilihan bahasa pengantar di institusi pengajian tinggi swasta (Othman, Ibrahim, Esa, Ationg, Mokhtar, Mohd Tamring & Sharif Adam, 2021e). Senario ini bersangkut-paut dengan pandangan pihak yang prihatin untuk tidak lagi memberikan hak pemilihan bahasa pengantar kepada universiti swasta dan mengimplementasikan syarat pemakaian Bahasa Melayu sepenuhnya. Hal ini tercetus apabila Malaysia bergerak ke arah era digital dan teknologi yang mengutilasikan kelayakan pendidikan yang mempunyai kesalinghubungan dengan bidang sains dan matematik.

Menurut Astro Awani (2020), hasil kajian yang dikemukakan memperlihatkan infografik senarai pekerjaan di Malaysia pada tahun 2020/2021 yang hampir kesemuanya berkaitan dengan bidang teknologi, sains dan matematik. Abad yang mementingkan teknologi ini menukar haluan generasi muda untuk menjinakkan diri untuk berkecimpung serta memupuk minat ke arah program pengajian di universiti yang berasaskan teknologi. Bahkan sekiranya pelajar tidak berjaya memasuki bidang sains tulen maka peralihan minat dijangkakan akan menempatkan mereka dalam bidang yang lebih berunsur komersial seperti ekonomi dan perakaunan. Justeru itu, keterlihatan kedudukan Bahasa Melayu akan menjadi lebih jitu sekiranya pengiktirafannya sebagai bahasa ilmiah diterima oleh semua lapisan masyarakat (Othman *et al.*, 2021c). Kedaluwarsa masyarakat Malaysia menepiskan pandangan skeptikal berhubung relevansi Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang tidak mampu menjamin peluang pekerjaan bagi rakyatnya adalah tindakan vital yang harus disegerakan.

Penutup Wacana

Validiti Bahasa Melayu dari kaca mata perundangan negara ini dilihat bukan sahaja melalui kesahan pengaplikasian nya sebagai bahasa rasmi persekutuan. Bahkan Bahasa Melayu turut mendapat status sebagai bahasa kebangsaan serta diiktiraf menjadi bahasa ilmu di institusi pengajian tinggi. Dalam menongkah arus pemodenan, kita mendepani cabaran untuk membudayakan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dengan iltizam memberi kesedaran kepada masyarakat berhubung isu pencemaran bahasa (Othman, Jupiter, Abdul Hamid, Yusoff & Awang, 2018). Tidak dinafikan kita seharusnya berterima kasih dengan pihak kerajaan kerana meletakkan Malaysia dalam pembangunan pesat sains dan teknologi. Namun di sebalik itu kemajuan negara membawa perubahan dalam kehidupan rakyat jelata turut terkesan akibat media massa dan media sosial yang menyediakan informasi tanpa batasan. Pencemaran bahasa dari aspek kecelaruan penggunaan bahasa rojak dengan percampuran slanga, dialek serta adaptasi bahasa asing seakan menjadi amalan generasi muda terutamanya mereka yang berada dalam usia lingkungan awal remaja (Othman *et al.*, 2020). Kesiapsiagaan golongan guru dalam memantau dan bertindak tegas bagi menangani pencemaran bahasa dalam kalangan pelajar harus didukung dengan peraturan dan hukuman setimpal bersama kesalahan yang dilakukan.

Sebagaimana yang kita maklumi, penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa urusan rasmi kerajaan dikaitkan dengan kepatuhan undang-undang dan penguatkuasaan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67. Dengan perkataan lain Seksyen 2 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 menyarankan bahawa bahasa kebangsaan wajib digunakan dalam semua acara formal negara yang melibatkan semua peringkat sekolah mahupun urusan rasmi dalam sektor awam (Sharifah Darmia, 2014). Ketetapan tersebut ternyata bercanggah apabila timbul kes yang menarik perhatian umum melibatkan mantan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng secara bersahaja mengeluarkan kenyataan media dalam Bahasa Mandarin. Tindakan berkenaan seolah-oleh memberi tamparan kepada kepimpinan badan pemerintah apabila pemimpin tertinggi negara dianggap tidak mendukung Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara, malahan meletakkan persepsi negatif yang tauladan yang kurang baik kepada umum. Hal berkenaan meninggalkan kesan terhadap kepatuhan rakyat terhadap undang-undang negara apabila tokoh pemimpin tanpa berselindung melanggar peraturan yang termaktub dalam Akta 32 berhubung penggunaan Bahasa Melayu sepenuhnya dalam majlis rasmi kerajaan.

Dalam konteks ini senario yang sama dikaitkan dengan pengawalan ke atas pemakaian bahasa iklan mesti mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta mendapat kelulusan terlebih dahulu sebelum ianya diuar-uarkan kepada ramai (Rozita & Hashim, 2014). Justifikasinya, walaupun isu tersebut nampak kecil dan enteng bagi segelintir pihak namun ianya memberi impak besar kepada masyarakat umum apabila cara penyampaian ilmu melalui penggunaan bahasa yang betul tidak dilaksanakan. Hal tersebut juga bersabit dengan teks penulisan yang mesti menggunakan bahasa baku yang betul dan menyampaikan maksud yang tepat dengan menggunakan pemilihan bahasa yang bertepatan. Dalam konteks ini penyebaran bahasa yang betul bersifat signifikan bukan sahaja dari aspek pemberitahuan umum tetapi vital kepada penyampaian maklumat sebagai bahasa ilmu.

Seperkara lagi yang harus diberi perhatian adalah usaha untuk meningkatkan penerbitan buku-buku ilmiah dalam Bahasa Melayu. Tindakan proaktif DBP dalam mengatasi kekurangan terbitan karya bermutu buku ilmiah Bahasa Melayu sedikit sebanyak memberi kesan terhadap minat pembaca. Apabila masyarakat tidak mendapat akses secukupnya kepada sumber penulisan yang menarik, secara rasionalnya karya bahasa asing menjadi sinonim dengan pemilihan pembaca. Bukan itu sahaja, penerbitan buku-buku ilmiah dalam Bahasa Melayu merupakan solusi kritikal yang sepatutnya diketengahkan kepada para guru untuk dijadikan teks utama dan rujukan wajib dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) di peringkat sekolah mahupun di fasa pengajian tinggi. Hal ini penting diberi perhatian oleh pihak yang bertanggungjawab dalam memastikan bahan penerbitan yang berkualiti dipasarkan secara meluas dan meliputi seluruh sistem persekolahan dalam dan luar bandar.

Kita dapat menyaksikan pemansuhan kaedah pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) atau lebih dikenali sebagai Dasar 2002 mengubah arah permintaan terhadap penerbitan buku-buku ilmiah dalam Bahasa Melayu (Ishak & Mohamed, 2010). Keperluan untuk menerbitkan buku teks bagi mata pelajaran Sains dan Matematik menjadi semakin meruncing apabila seleksi buku teks yang baik tidak dapat disediakan oleh penerbit. Lazimnya dalam situasi sedemikian tanggungjawab yang digalas oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) terpaksa bertumpu kepada alternatif penterjemahan buku ilmiah dalam bahasa asing terutamanya menterjemahkan buku-buku Bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Melayu. Secara logiknya penerbitan berdasarkan terjemahan bahasa secara tidak langsung membuktikan kerelevanan Bahasa Melayu disetarafkan dengan bahasa asing yang lain serta sinonim untuk diiktiraf sebagai bahasa ilmu. Dalam hal ini antara seleksi bahan-bahan yang diberi perhatian khusus untuk penerbitan dalam bentuk terjemahan melibatkan kamus, buku glosari, peristilahan dan buku ilmiah dari bidang kritikal seperti sains tulen, teknologi dan perubahan.

Menurut pakar bahasa Dr. Nik Safiah Karim, pengemblengan usaha jentera kerajaan dalam membangunkan sistem bahasa negara berada pada tahap yang memuaskan. Namun begitu bagi memantapkan Bahasa Melayu setara dengan bahasa pengantar di institusi pengajian tinggi, kita masih memerlukan komitmen secara kolektif dan berterusan sehingga ke akar umbi. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menguar-uarkan insentif menarik dalam bentuk ganjaran kewangan dan bukan kewangan kepada golongan akademik membuktikan usaha proaktif negara dalam membangunkan khazanah bahasa (Othman, Esa, Ationg, Ibrahim, Lukin & Abdul Hamid, 2021f). Dewasa ini kita menyaksikan pengiktirafan kenaikan pangkat dan penganugerahan pingat jasa bakti diberikan golongan akademik dan para pendidik. Penganugerahan khas ahli akademik prolifik yang menggerakkan penghasilan buku ilmiah secara tegar dalam bidang kepakaran masing-masing merupakan tanda penghargaan negara kepada golongan ilmuwan yang menyumbang jasa bakti dalam usaha menangani isu ketandusan buku ilmiah dalam gedung khazanah negara. Dalam mengaplikasikan nilai ini, gandingan kerjasama bijak antara Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan Institut Terjemahan Buku Negara (ITBN) mempelopori penerbitan buku ilmiah berdasarkan penterjemahan karya asing nyata dipertingkatkan seiring dengan aspirasi negara mengangkat darjat Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu (Md Idris, 2013).

Jika ditinjau dari sudut perundangan pula, sistem perundangan memperuntukkan bidang kuasa melalui Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 (Disemak - 1978), Seksyen 5(iii) dengan memberi keizinan hak kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bertindak selaku jentera kerajaan untuk mencetak dan menerbitkan buku berorientasikan kesusasteraan sama ada dalam Bahasa Melayu mahupun bahasa asing. Rentetan dari inisiatif pihak penerbitan buku untuk memperbanyakkan usaha penterjemahan hasil penulisan sastera dari penulis negara luar disokong penuh oleh pihak yang berkepentingan dalam sektor pendidikan. Senario berkenaan sinonim dengan cita rasa generasi muda yang cenderung untuk menerokai hasil penulisan karyawan terkenal dari negara-negara yang mempunyai ketamadunan bahasa terbilang. Pendedahan karya penulisan tokoh tersohor bidang kesusasteraan dari negara barat yang terkenal dengan ketinggian bahasa dan estetika mendatangkan impak besar terhadap keterujaan dalam kalangan pembaca apatah lagi jika diterjemahkan dalam bahasa tempatan. Hasil penulisan mereka yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu pastinya memberikan nilai tambah ke atas perbendaharaan kata bahasa kita. Klasiknya pemikiran seseorang apabila pengaruh besar karya seni mampu memberi anjakan paradigma kecintaan pada bahasa ibunda, lantaran menyuburkan pembudayaan bahasa ilmu.

Langkah yang sesuai ialah dengan memperkenalkan insentif menggalakkan penjualan buku sastera dengan harga mampu milik. Peluang tersebut memberikan peluang kepada generasi muda untuk mendekati diri dalam pembudayaan bahasa seawal usia di bangku persekolahan rendah lagi. Kritikalnya tindakan ini adalah bagi mendukung usaha kerajaan untuk mensasarkan remaja menjadi pembaca tegar. Bagi membuktikan perkara ini, kerajaan melipatgandakan usaha dalam memastikan capaian pembaca muda melalui kempen cintai bahasa kebangsaan yang menjadi acara wajib di setiap sekolah rendah dan menengah. Kepentingan pendidikan industri 4.0 membawa alternatif selain daripada penerbitan konvensional buku bercetak (Fadli & Md Sidin, 2016). Dalam usaha bergerak seiring dengan peredaran zaman, sektor pendidikan wajar mengutilasikan teknologi alam siber iaitu meluaskan peluang karya sastera diakses dalam format digital yang dikenali sebagai *electronic book* (e-book) (Fadli & Md Sidin, 2016). Ini menjadi pilihan masa kini disebabkan penerbitan digital semestinya tidak mengambil peruntukan kewangan yang tinggi. Ditambah lagi dengan kelebihan untuk memasarkan penjualan yang lebih luas lagi. Namun begitu demi memastikan transaksi urus beli pelanggan maya dilaksanakan menerusi laman web yang sah maka sentiasa diingatkan untuk mengelakkan berurusan dengan laman web beroperasi secara haram bagi mengelakkan penipuan dan pembeli terjebak dalam isu hak cipta.

Usaha mempelbagaikan bahan terjemahan kepada karya fiksi seperti novel dan cerpen dari penulis yang mengungguli anugerah penulis terbaik adalah digalakkan, apa tah lagi buku-buku yang menduduki carta jualan buku terlaris (*best-seller*). Malaysia masih memerlukan lebih ramai barisan penterjemah yang berkaliber dalam meningkatkan usaha terjemahan bermutu tinggi. Ini kerana ketepatan penterjemah buku sastera memperlihatkan kredibiliti pakar bahasa tempatan mempamerkan keindahan bahasa Melayu sinonim dengan alur ilmu bahasa luar yang memiliki cabaran tersendiri untuk diterjemahkan (Othman, 2019). Biar kita ambil contoh laman web *Bookauthority* menamakan penulis tersohor dunia Rupi Kaur antara sasterawan terhebat apabila mendominasi penjualan buku di merata negara serta berjaya menduduki tempat ke 4 sebagai buku terlaris dunia. Kehebatan dan keunikan hasil karya Rupi Kaur dalam naskah *Milk and Honey* serta *The Sun and Her Flowers* yang

berlatarbelakangkan kesusasteraan Inggeris bukanlah sesuatu yang mustahil untuk di terjemah secara tepat ke dalam bahasa tempatan. Namun bagi mempamerkan keindahan bahasa asalnya walaupun tidak mustahil dilakukan ianya masih memerlukan kepakaran tinggi dan pengalaman luas dari para penterjemah.

Malaysia wajar meneladani pengembangan pembudayaan kesusasteraan negara jiran kita Indonesia yang tidak meletakkan batasan ke atas usaha memperkayakan khazanah bahasa dengan menerokai bahasa negara luar serta berkompromi atas dasar membina ketinggian bahasa selari dengan peredaran zaman (Kamil & Mohamad, 2020). Jelaslah bahawa dengan tidak berpandangan skeptikal serta suka menunding jari melabelkan usaha tersebut sebagai mencemarkan bahasa ibunda, sebaliknya berfikiran positif dengan melihatnya dari sudut berbeza iaitu tabir di sebalik meletakkan pinjaman bahasa asing sebagai improvasi kepada bahasa ilmu.

Sebelum mengakhiri wacana ini, inisiatif sektor pendidikan formal terhadap bahasa Melayu merupakan usaha berterusan yang seharusnya diambil tanggungjawab oleh seluruh pihak pendidik formal Malaysia dalam memartabatkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di sekolah. Relevansi Akta Pendidikan 1996 seiring usaha menggerak dan memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dibahaskan sebagai kewajaran pihak pemerintah yang cuba meletakkan kedudukan bahasa kebangsaan untuk diangkat menjadi bahasa pengantar dalam sektor pendidikan negara. Masyarakat hari ini wajar menanam iltizam untuk menguasai bahasa ibunda, bukan hanya sekadar berkomunikasi dan bertutur dalam kehidupan seharian bahkan digunakan secara bijak pada peringkat profesional. Meniti pascamodenisme segelintir dari anak muda hilang rasa minat terhadap Bahasa Melayu dan menganggap bahasa ini tidak sehebat bahasa asing yang lain.

Masyarakat hari ini justeru perlu sedar bahawa nilai bahasa kebangsaan kita setanding dengan bahasa asing, bahkan salah satu bahasa yang boleh dikatakan ‘berdiri sama tinggi’ dengan bahasa negara lain. Memang tidak dapat dinafikan bahawa penguasaan terhadap bahasa asing seperti Bahasa Inggeris bersifat vital dan dijadikan bahasa komunikasi pada peringkat global. Namun penguasaan terhadap bahasa asing tersebut tidak seharusnya menghakis identiti Bahasa Melayu yang wujud dalam diri masyarakat Malaysia sejak dini lagi (Othman, 2019). Natiyahnya prospek meluaskan rangkaian pembaca muda untuk lebih berkecimpung dalam bidang linguistik bakal memenuhi hasrat negara memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dunia. Jika semua pihak berganding bahu, ibarat ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni, maka pemupukan semangat cinta bahasa ibunda memberi keutuhan solidariti perpaduan nasional yang tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana bangsa lain di dunia ini.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) dan Erudites Group (EGP) (Kod Geran: TLS2105, TLS2109, TLS2111, TLS2110, TLS2010, TLS2105, TLS2007, TLS2006, TLS2004 & TLS2011).

Rujukan

- Ahmad Kamal Arifin Mohd Rus & Sharifah Darmia Sharif Adam (2008). Akta Bahasa Kebangsaan 1967: Isu, Reaksi Dan Cabaran. Sejarah. *Journal of the Department of History*, 16(16):123-148.
- Astro Awani. (2020). 20 pekerjaan paling popular di Malaysia 2020/2021. Diakses pada 06 Julai 2021, dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/20-pekerjaan-paling-popular-di-malaysia-20202021-269466>.
- Berita Harian. (2020). Sekolah vernakular punca bahasa Melayu terpinggir. Diakses pada 02 Julai 2021, dari <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2020/09/726695/sekolah-vernakular-punca-bahasa-melayu-terpinggir>.
- Berita Harian. (2017). Sistem pendidikan terpisah punca mentaliti negatif sastera. Diakses pada 02 Julai 2021, dari <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2017/11/347319/sistem-pendidikan-terpisah-punca-mentaliti-negatif-sastera>. Diakses: 31 Mei 2021.
- Chow Fong Peng & Zahari Ishak. (2008). Tahap Penggunaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam kalangan Mahasiswa/I IPTA dan IPTS dalam Sistem Pendidikan Negara. *Jurnal Pengajian Melayu*. 19:16-36.
- Dagang News. (2020). Keupayaan Bahasa Melayu sebagai Lingua Franca. Diakses pada 05 Julai 2021, dari <https://dagangnews.com/keupayaan-bahasa-melayu-sebagai-lingua-franca>.
- Donnie Adams, Ravadhi Periasamy, Edward Devadason & Satinah Awang. (2018). Amalan Kepimpinan Instruksional Guru Besar Di Sekolah Vernakular Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan. *MANU Bil.* 28: 109-132.
- Esa, M. S., Ationg, R., Othman, I. W., Mohd Shah, M. K., Yusoff, M. S., Ramlie, H. A., & Abang Muis, A. M. R. (2021). Evolusi Kursus Teras Universiti: Dari Sejarah Pembentukan Bangsa Malaysia Ke Penghayatan Etika dan Peradaban. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 6 (39): 166-181.
- Fadli Abdullah & Md Sidin Ahmad Ishah. (2016). Kesan Perkembangan Teknologi terhadap Industri Penerbitan Buku di Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 15 (2): 71–86.
- Harian Metro. (2019). Sebulan dah kuasai bahasa Melayu. Diakses pada 06 Julai 2021, dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/09/501718/sebulan-dah-kuasai-bahasa-melayu>.
- Hashim Musa & Rozita Che Rodi. (2014). Peranan Bahasa Melayu dan Legasi Sejarah Penubuhan Malaysia dalam Penyemaian Cinta akan Negara Bangsa Malaysia. *Pertanika Mahawangsa*, 1(1): 19-42.
- Hassan, H. I. M., Angterian, S. M., & Yusop, M. S. (2017). Kegemilangan Bahasa Melayu sebagai Lingua Franca. *Jurnal Kesidang*, 2(1): 18-30.
- Hasrina Baharum & Nordiana Hamzah. (2017). Teks KOMSAS sebagai Sumber Pembelajaran dan Pengajaran Peribahasa Melayu Melalui Pendekatan Kontekstual. *Proceedings of the International Conference on the Teaching and Learning of Languages (ICTLL)*, 151-165.
- Iberahim, A. R., Mahamod, Z., & Mohammad, W. M. R. W. (2017). Pembelajaran Abad Ke-21 dan Pengaruhnya Terhadap Sikap, Motivasi dan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2): 77-88.

- Ishak, T., & Mohamed, M. (2010). Pengajaran Dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI): Suatu Isu Berulang. *Jurnal Teknologi*, 53: 95-106.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2010). Pemansuhan Dasar PPSMI: Tinjauan Daripada Persepsi Parti Politik, Ahli Akademik dan NGO serta Pengalaman Di Sekolah. *Jurnal Melayu* (5): 177-197.
- Kamil, I. M. M., & Mohamad, M. (2020). Cabaran Pemerksaan Bahasa Melayu Dalam Usaha Mencapai Negara Bangsa Di Malaysia. *Asian People Journal (APJ)*, 3(2): 181-191.
- MOHE. (2014). Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Diakses pada 05 Julai 2021, dari <https://www.moe.gov.my/dasar/1198-dasar-memartabatkan-bahasa-malaysia-memperkukuh-bahasa-inggeris-mbmmbi/file>.
- Lukmanulhakim, N. N. (2020). Kaedah Pembentukan Identiti Nasional dalam Universiti Awam di Malaysia. *Jurnal Peradaban Melayu*, 15: 1-9.
- Manisah Mohd Ali, Ramlee Mustapha & Zalizan Mohd Jelas. (2006). An Empirical Study on Teachers' Perceptions Towards Inclusive Education in Malaysia. *International Journal of Special Education*, 21(3):36-44.
- Mahamod, Z. (2021). Sikap dan motivasi murid Iban dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1): 13-25.
- Md Idris, M. R. (2013). Memartabatkan Bahasa Melayu Melalui Pendidikan dan Mendepani Cabaran Globalisasi. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 4(12): 207-220.
- Mohd Nazri Abdul Rahman & Wan Nurul Baizura Wan Mohamad Noor. (2018). Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakan 2017: Retrospeksi Guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(3): 59-71.
- Muhammad Fawiz Bin Bakri, Zulkifli Bin Osmā, Anida Sarudin & Husna Faredza Mohamed Redzwan. (2020). Analisis Keupayaan Pelajar Dalam Pembinaan Semula Kurikulum Bahasa Melayu Asas Bagi Pelajar Antarabangsa Universiti Pendidikan Sultan Idris. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8 (1): 65-76.
- My Metro. (2020). Sekolah Vernakular Tidak Dipinggirkan Dalam Belanjawan 2021. Diakses Pada 02 Julai 2021, Dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/11/639831/sekolah-vernakular-tidak-dipinggirkan-dalam-belanjawan-2021-metrotv>.
- Nazri Muslim & Abdul Latif Samian (2012). Tahap Penerimaan Pelajar terhadap Peruntukan Bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 30(1): 3-27.
- Othman, I. W. (2021). *Konfigurasi Mobiliti Pelajar Antarabangsa*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Othman, I. W., Mohd Shah, M. K., Yusoff, M. S., Esa, M. S., Ationg, R., Ramlie, H., & Abdul Rahman, M. H. (2021a). Elemen Transformatif dan Akulturasi Diri dari Pengalaman Tahun Pertama Pengajian di Universiti Awam Malaysia Sebagai Wasilah Prestasi Pencapaian Akademik Pelajar Antarabangsa. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(39): 29-55.
- Othman, I. W., Yusoff, M. S., Mohd Shah, M. K., Mokhtar, S., Abang Muis, A. M. R., Marinsah, S. A., & Marzuki, M. (2021b). Signifikasi Keunikan Diversiti Budaya Masyarakat Majmuk Disulami Keharmonian, Disantuni Perpaduan Sebagai Nilai Tambah Kepercayaan Keluarga Dan Pemangkin Diaspora Pelajar Antarabangsa

- Melanjutkan Pengajian Ke Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(39): 01-28.
- Othman, I. W., Ationg, R., Esa, M. S., Hajimin, M. N. H. H., & Abang Muis, A. M. R. (2021c). Signifikasi Prinsip Hidup Merujuk Keterkaitan Agama, Budaya, Amalan Kepercayaan dan Wawasan Dunia Secara Keseluruhan (Worldview): Motif Ekspatriasi Ahli Akademik Islam dalam Membina Kerjaya di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23): 85-103.
- Othman, I. W., Yusoff, M. S., Mohd Shah, M. K., Esa, M. S., Ationg, R., Ibrahim, M. A., & Raymond Majumah, A. S. A. (2021d). Maslahat Literasi Pendidikan Politik Simbiosis Golongan Belia Dalam Mendepani Perubahan Lanskap Kepimpinan Negara. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(38): 82 -104.
- Othman, I. W., Ibrahim, M. A., Esa, M. S., Ationg, R., Mokhtar, S., Mohd Tamring, B. A., & Sharif Adam, S. D. (2021e). Literasi Undang-Undang Sinonim Kemandirian Jati Diri Mahasiswa dalam Lanskap Politik Kampus: Pemacu Generasi Muda Berjiwa Besar dan Tinggi Karisma Kepimpinan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23): 215-242.
- Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., Ibrahim, M. A., Lukin, S. A., & Abdul Hamid, J. (2021f). Visibiliti Integrasi Sistem Infrastruktur dan Kesalinghubungan Kebertanggungjawaban Universiti Dalam Konteks Menjana Kelestarian Persekitaran Pembelajaran Kondusif Kampus Bertaraf Antarabangsa. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23): 23-41.
- Othman, I. W., Yusoff, M. S., Mohd Shah, M. K., Ationg, R., Esa, M. S., & Mohd Yakin, H. S. (2021g). The Health Enhancement Impact of Self Assimilation in Academic Achievement amongst International Students in Malaysian Public Universities. *Sys Rev Pharm.* 12(3): 540-551.
- Othman, I. W. (2020). *Lensa Sosialisasi Ekspatriat Akademik*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Othman, I. W., Yusoff, M. S., Lokin, S. A., Ationg, R., Abang Muis, A. M. R., Mohd Shah, M. K. (2020). Adaptasi Kemandirian Dan Kelestarian Prestasi Akademik Pelajar Antarabangsa Universiti Awam Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*. 5 (21): 138-159.
- Othman, I. W. (2019). Identiti Budaya dan Semangat Patriotisma Negara Asal dalam Pengekalan Akademik Eskpatriat di Universiti Awam Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(17): 144-158.
- Othman, I. W., Jupiter, H., Abdul Hamid, A. B., Yusoff, M. S., & Awang, H. (2018). Faktor Sosial Yang Mempengaruhi Keputusan Pelajar Antarabangsa Dalam Pemilihan Destinasi Pengajian: Kajian Kes Di Universiti Malaysia Sabah (UMS). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*. 3(8):87-97.
- Ramlah Adam. (2014). *Pendaulatan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Ilmu di Malaysia: Sejarah dan Kedudukan Masa Kini*. Universiti Malaysia Perlis: Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia (PKIRM).
- Rozita Che Rodi & Hashim Musa. (2014). Bahasa Melayu Bahasa Negara Bangsa Malaysia. *Mahawangsa 1* (2): 257-272.
- Salleh Abdul Rashid dan Shuhairimi Abdullah. (2015). Mendaulatkan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Analisis. *Journal of Human Development and Communication*,4: 125-134.

- Sinar Harian. (2019). Keputusan cabar tubuh sekolah vernakular diketahui 11 November. Diakses pada 02 Julai 2021, dari <https://www.sinarharian.com.my/article/55626/BERITA/Mahkamah/Keputusan-cabar-tubuh-sekolah-vernakular-diketahui-11-November>.
- Sharifah Darmia Sharif Adam. (2019). Peranan dan Cabaran Bahasa Kebangsaan dalam Menyatupadukan Pelbagai Etnik di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4 (4): 1-11.
- Sharifah Darmia Sharif Adam. (2014). Cabaran dan reaksi pelaksanaan bahasa kebangsaan dalam bidang pentadbiran dan pendidikan di Malaysia, 1957-1966. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134: 305-315.
- Sulaiman Masri, Abdullah Yusof dan Mohd Ra'in Shaari. (2006). *Bahasa melayu dimensi pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Yong Hie Hie & Ku Hasnita Ku Samsu. (2019). Sikap negatif guru sebagai penghalang kepada pembentukan perpaduan etnik di sekolah. *Akademika*, 89(1): 149-159.
- Yusfarina Mohd Yussof & Abdul Rasid Jamian. (2011). Pembinaan Negara bangsa dan identiti kebangsaan melalui pemeraksanaan bahasa dalam sistem persekolahan. *Pendidikan bahasa dan kesusasteraan*, 11(1):10-16.